

DATE: 10/10/2008

Abdullah negarawan terpuji tolak kepentingan peribadi

Oleh HASNURUL MOHAMED

KUALA LUMPUR 9 Okt.

- Keputusan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk tidak mempertahankan jawatan Presiden UMNO menunjukkan sifatnya sebagai negarawan yang terpuji kerana mengutamakan kepentingan agama, bangsa dan negara melebihi keinginan mencipta rekod peribadi.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), **Tan Sri Dr. Nordin Kardi** berkata, tindakan murni Abdullah itu memenuhi ciri-ciri pemimpin yang terpuji dan berfikir demokratik.

"Beliau (Abdullah) pemimpin yang konsisten, baik dalam mengurus kehidupan peribadi mahupun mengurus masyarakat dan negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri semalam, untuk tidak mempertahankan jawatan Presiden UMNO pada pemilihan parti itu Mac tahun depan.

Nordin berkata, Perdana Menteri itu tidak berlakon sebaliknya memimpin dan hidup dalam dunia realiti, malah mungkin orang

tercari-cari apa legasi Abdullah.

"Bagaimanapun, mereka yang tajam pengamatan sudah mendapat jawapannya," jelasnya.

Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM), **Prof. Datuk Dr. Zainal Kling** berkata, keputusan Abdullah itu membuktikan beliau mementingkan parti, kerajaan dan negara.

"Keputusan Perdana Menteri itu telah diduga oleh banyak pihak," katanya.

Sementara itu, pakar sejarah, **Prof. Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim** pula berpendapat, keputusan Abdullah itu sebagai satu perkembangan positif untuk UMNO.

"Inilah masanya untuk UMNO menyelesaikan masalah sebelum menjadi lebih rumit kerana generasi muda hari ini mempunyai sikap yang berlainan," katanya.

Kay Kim berkata, UMNO memerlukan seorang pemimpin yang boleh memahami aspirasi generasi muda dan mengatur strategi yang sesuai dengan harapan golongan tersebut.

Penganalisis politik, **Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain** dari UUM

UM-10/10/2008
Beliau (Abdullah) pemimpin yang konsisten baik dalam mengurus kehidupan peribadi mahupun mengurus masyarakat dan negara



NORDIN KARDI




ZAINAL KLING



KHOO KAY KIM



AHMAD ATORY



SALLEH BUANG

DR. NORDIN KARDI
Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia

berkata, keputusan Abdullah itu membuktikan pelan peralihan kuasa berjalan lancar.

Beliau berkata, keputusan Abdullah tidak mempertahankan jawatan Presiden UMNO merupakan sebahagian daripada penjenamaan semula UMNO.

"Kini ahli-ahli boleh tumpu kepada pelan peralihan kuasa pada pemilihan UMNO Mac tahun hadapan," katanya.

Pensyarah Jabatan Undang-Undang Universiti Teknologi

Malaysia (UTM), **Prof. Salleh Buang** berharap ia akan membawa kebaikan kepada UMNO dan negara.

"Banyak sangat ketidaktentuan yang berlaku sebelum ini dan ia telah diselesaikan sekarang.

"Oleh itu, bolehlah tumpuan diberikan kepada isu pembangunan negara yang sebelum ini diketepikan," katanya.

Dekan Pasca Siswazah dan Penyelidikan UUM, **Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak** berpenda-

pat, satu penghormatan harus diberi kepada Abdullah yang berjiwa negarawan sejati itu.

Beliau berkata, bukan mudah untuk seseorang pemimpin yang berada di puncak kuasa membuat keputusan yang meletakkan kepentingan parti, kerajaan dan negara di hadapan.

"Beliau (Abdullah) turun secara terhormat dan tugas Datuk Seri Najib Tun Razak adalah bagi memastikan UMNO tidak berpecah selepas ini," katanya.